



**PESURUHJAYA SUKAN MALAYSIA
COMMISSIONER OF SPORTS MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING PESURUHJAYA SUKAN BILANGAN 1 TAHUN 2012
PANDUAN PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN BADAN SUKAN**

TUJUAN

1. Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memberi panduan kepada pemohon untuk menubuh dan mendaftarkan badan sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan (APS) 1997. Ianya juga dapat memudahkan pegawai di Pejabat Pesuruhjaya Sukan mempertimbangkan sesuatu permohonan pendaftaran badan sukan.

PENGENALAN

2. Pejabat Pesuruhjaya Sukan telah ditubuhkan pada 1 Januari 1998 bagi mentadbir APS 1997. Tujuan utama adalah untuk memastikan badan-badan sukan bergerak secara demokratik, teratur dan bertanggungjawab bagi menjamin pencapaian matlamatnya untuk menggalak dan memajukan sukan negara.
3. Bagi memastikan pembangunan sukan seiring dengan APS 1997, maka setiap badan sukan hendaklah memohon untuk didaftarkan di bawah APS 1997 sebelum melaksanakan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan sukan.

LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL SEBELUM MENUBUHKAN BADAN SUKAN

4. Mengikut seksyen 26 (a) APS 1997, kaedah permohonan bagi penubuhan badan sukan untuk semua peringkat Kebangsaan, Negeri, Daerah dan Kelab adalah seperti berikut :

1

70

- 4.1 Memanggil ahli untuk mengadakan mesyuarat penubuhan. Jumlah kehadiran sekurang-kurangnya **tujuh (7)** orang ahli.
- 4.2 Agenda Mesyuarat Penubuhan diantara lain, membincang perkara seperti berikut :
 - (a) Melantik "Pengerusi Sementara" dan pencatat minit;
 - (b) Membincangkan secara ringkas tujuan penubuhan;
 - (c) Melantik ahli jawatankuasa yang terdiri daripada Presiden, Setiausaha, Bendahari dan **empat (4)** orang ahli jawatankuasa;
 - (d) Menetapkan kadar yuran masuk dan yuran bulanan;
 - (e) Menetapkan keahlian badan sukan;
 - (f) Menetapkan nama dan alamat berdaftar badan sukan;
 - (g) Membincang dan meluluskan perlembagaan badan sukan;
 - (h) Hal-hal lain; dan
 - (i) Penutup.

PERMOHONAN PENDAFTARAN BADAN SUKAN

5. Mengikut seksyen 11(1)(b) APS 1997, dokumen pendaftaran yang diperlukan adalah seperti berikut :
 - 5.1 Bayaran proses RM50.00 hendaklah dibayar melalui wang pos/kiriman wang/bayaran secara atas talian atas nama Pesuruhjaya Sukan Malaysia;
 - 5.2 Setiap maklumat dalam Borang 1 hendaklah diisi dengan lengkap serta disahkan oleh pemegang jawatan utama dalam badan sukan;
 - 5.3 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penaja Penubuhan Badan Sukan;

2

- 5.4 Senarai pemegang jawatan badan sukan;
- 5.5 Perlembagaan badan sukan; dan
- 5.6 Ulasan daripada Badan Induk, kecuali peringkat Kelab.

PANDUAN PENDAFTARAN BADAN SUKAN PERINGKAT KEBANGSAAN

6. Panduan bagi permohonan untuk mendaftarkan badan sukan di peringkat Kebangsaan seperti berikut:

6.1 Nama Badan Sukan

- (a) Menggunakan perkataan **Persatuan** bagi badan sukan peringkat Kebangsaan yang hanya mengamalkan peraturan permainan yang sama;
- (b) Menggunakan perkataan **Persekutuan** bagi gabungan badan sukan peringkat Kebangsaan yang mengamalkan aktiviti sukan yang sama dengan disiplin yang berbeza; dan
- (c) Perkataan '**Negara**' tidak boleh digunakan sebagai nama badan sukan kecuali nama khas. Contoh : Persatuan Bola Jaring Negara, sepatutnya Persatuan Bola Jaring Malaysia.

6.2 Aktiviti Sukan

- (a) Badan sukan hendaklah menyatakan aktiviti sukan yang hendak didaftarkan dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan. Hanya **satu (1)** aktiviti sukan sahaja dibenarkan sebagai contoh :



Persatuan Bola Jaring Malaysia. (**Betul**)



Persatuan Bola Jaring dan Bola Baling Malaysia. (**Salah**)

6.3 Perlembagaan Badan Sukan

- (a) Objektif dan fungsi badan sukan hendaklah menepati peranan dan tanggungjawab untuk membangunkan sukan tersebut di seluruh Negara; dan
- (b) Badan sukan boleh menggunakan model perlembagaan persatuan peringkat Kebangsaan yang disediakan oleh Pejabat Pesuruhjaya Sukan.

6.4 Ahli Gabungan

- (a) Mempunyai sekurang-kurangnya **tujuh (7)** ahli gabungan peringkat Negeri yang sah berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan; dan
- (b) Ahli gabungan hendaklah terdiri daripada badan sukan yang menjalankan aktiviti sukan yang sama.

6.5 Ulasan Badan Induk

Badan sukan perlu mengemukakan ulasan daripada Majlis Olimpik Malaysia (MOM) atau pihak yang berkaitan.

PANDUAN PENDAFTARAN BADAN SUKAN PERINGKAT NEGERI

7. Panduan bagi permohonan untuk mendaftarkan badan sukan di peringkat Negeri seperti berikut:

7.1 Nama Badan Sukan

- (a) Perkataan '**Malaysia**' tidak boleh digunakan;
- (b) Menggunakan perkataan '**Negeri**' sebelum nama bagi sesuatu Negeri. Contohnya : Persatuan Bola Sepak Negeri Perlis; dan

- (c) Penggunaan nama 'DiRaja', 'Royal', 'Istana', 'Sultan' dan seumpamanya tidak boleh digunakan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada pihak yang mempunyai kuasa.

7.2 Aktiviti Sukan

- (a) Badan sukan hendaklah menyatakan aktiviti sukan yang hendak didaftarkan dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan. Hanya **satu (1)** aktiviti sukan sahaja dibenarkan sebagai contoh:

/ Persatuan Bola Jaring Negeri Johor. (**Betul**)

x Persatuan Bola Jaring dan Bola Baling Negeri Johor. (**Salah**)

7.3 Perlembagaan Badan Sukan

- (a) Objektif dan fungsi badan sukan hendaklah menepati peranan dan tanggungjawab untuk membangunkan sukan tersebut di seluruh Negeri; dan
- (b) Badan sukan boleh menggunakan model perlembagaan persatuan peringkat Negeri yang disediakan oleh Pejabat Pesuruhjaya Sukan.

7.4 Ahli Gabungan

- (a) Mempunyai sekurang-kurangnya **empat (4)** badan sukan di Daerah/Bahagian/Kelab di Negeri berkenaan yang sah berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan;
- (b) Ahli Jawatankuasa penaja hendaklah terdiri daripada seorang wakil atau lebih dari ahli gabungan di peringkat Daerah yang sah berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan; dan
- (c) Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan, Negeri Melaka dan Negeri Perlis hendaklah mempunyai sekurang-

kurangnya **empat (4)** Kelab sukan yang sama yang sah berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan.

7.5 Ulasan Badan Induk

- (a) Badan sukan perlu mengemukakan ulasan daripada badan sukan (entiti yang sama) di peringkat Kebangsaan.

PANDUAN PENDAFTARAN BADAN SUKAN PERINGKAT DAERAH

8. Panduan bagi permohonan untuk mendaftarkan badan sukan di peringkat Daerah seperti berikut:

8.1 Nama Badan Sukan

- (a) Perkataan '**Malaysia**' dan '**Negeri**' tidak boleh digunakan;
- (b) Nama badan sukan hendaklah diikuti dengan nama 'Daerah' atau 'Bahagian' yang diwartakan. Contoh : Persatuan Bolasepak **Daerah Hulu Langat**; dan
- (c) Penggunaan nama '**DiRaja**', '**Royal**', '**Istana**', '**Sultan**' dan seumpamanya tidak boleh digunakan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada pihak yang mempunyai kuasa.

8.2 Aktiviti Sukan

- (a) Pemohon hendaklah menyatakan aktiviti sukan yang hendak didaftarkan dengan pejabat Pesuruhjaya Sukan. Hanya **satu (1)** aktiviti sukan sahaja dibenarkan sebagai contoh:

/ Persatuan Bola Sepak Daerah Dungun. (**Betul**)

x Persatuan Bola Sepak dan Badminton Daerah Dungun. (**Salah**)

6.3 Perlembagaan Badan Sukan

- (a) Objektif dan fungsi badan sukan hendaklah menepati peranan dan

8.3 Perlembagaan Badan Sukan

- (a) Objektif dan fungsi badan sukan hendaklah menepati peranan dan tanggungjawab untuk membangunkan sukan tersebut di peringkat Daerah; dan
- (b) Badan sukan boleh menggunakan model perlembagaan persatuan peringkat Daerah yang disediakan oleh Pejabat Pesuruhjaya Sukan.

8.4 Ahli Gabungan

- (a) Mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3)** Kelab dari sukan yang sama yang sah berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan; dan
- (b) Ahli Jawatankuasa penaja hendaklah terdiri daripada seorang wakil atau lebih dari ahli gabungan di peringkat Kelab yang sah berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan.

8.5 Ulasan Badan Induk

- (a) Badan sukan perlu mengemukakan ulasan daripada Badan Induk (entiti yang sama) di peringkat Negeri atau Kebangsaan.

PANDUAN PENDAFTARAN BADAN SUKAN PERINGKAT KELAB

9. Panduan bagi permohonan untuk mendaftarkan badan sukan di peringkat Kelab seperti berikut:

9.1 Nama Badan Sukan

- (a) Perkataan 'Malaysia', 'Negeri' dan 'Daerah' tidak boleh digunakan; dan

- (b) Penggunaan nama 'DiRaja', 'Royal', 'Istana', 'Sultan' dan seumpamanya tidak boleh digunakan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada pihak yang mempunyai kuasa.

9.2 Aktiviti Sukan

- (a) Badan sukan hendaklah menyatakan aktiviti sukan yang hendak didaftarkan dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan. Hanya **satu (1)** aktiviti sukan sahaja boleh digunakan sebagai contoh :

/ Kelab Judo Sungai Long. (**Betul**)

x Kelab Judo dan Taekwondo Sungai Long. (**Salah**)

9.3 Perlembagaan Badan Sukan

- (a) Objektif dan fungsi badan sukan hendaklah menepati peranan dan tanggungjawab untuk membangunkan sukan tersebut di peringkat Kelab; dan
- (b) Badan sukan boleh merujuk kepada model perlembagaan persatuan peringkat Kelab yang disediakan oleh Pejabat Pesuruhjaya Sukan.

9.4 Ulasan Badan Induk

- (a) Pemohon tidak diwajibkan melampirkan ulasan daripada badan induk.

PERINGATAN

10. Kegagalan badan sukan mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan boleh mengakibatkan permohonannya **DITOLAK**.

11. Permohonan badan sukan boleh ditolak atau dibatalkan pendaftarannya sekiranya terdapat bukti-bukti bahawa maklumat atau dokumen dikemukakan adalah palsu.
12. Pejabat Pesuruhjaya Sukan boleh meminta maklumat tambahan atau memanggil pemohon untuk memberi penjelasan sekiranya perlu.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

13. Pemakaian pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PERTANYAAN

14. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai panduan penganjuran pertandingan sukan di Malaysia boleh dirujuk kepada :

Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia

Aras 3, Pusat Akuatik Nasional,

Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil,

57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur.

Telefon : 03-89944800

Faks : 03-89944810

Portal : <http://pps.kbs.gov.my>

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' MOHD YASIN BIN MOHD SALLEH)

Pesuruhjaya Sukan Malaysia

PEJABAT PESURUHJAYA SUKAN MALAYSIA

Tarikh: 3 Oktober 2012